



SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
(MOTAC)

PENCALONAN ANUGERAH SENI NEGARA TAHUN 2026

PUTRAJAYA, 12 MAC 2026 – Pencalonan **Anugerah Seni Negara (ASN) Tahun 2026** kini dibuka kepada seluruh masyarakat secara rasmi mulai **12 Mac 2026** hingga **11 Mei 2026**. Bidang pencarian dan pencalonan adalah dari bidang seni seperti berikut:

- (i) Seni Muzik**
- (ii) Seni Tari**
- (iii) Seni Lakon**
- (iv) Seni Kraf**
- (v) Seni Visual**

Manakala asas-asas pencalonan ASN 2026 (bagi Anugerah Seniman Negara dan Anugerah Karyawan Seni) harus berasaskan kepada perincian seperti berikut:

ASAS-ASAS PENCALONAN BIDANG SENI MUZIK

- Merupakan tokoh, penggiat, aktivis bidang seni muzik warganegara Malaysia;
- Mempunyai kepakaran dalam bidang seni muzik sekurang-kurangnya 25 tahun pengalaman dan masih aktif pada tarikh pencalonan;
- Menunjukkan bakat yang tinggi dalam bidang seni muzik secara berterusan dan konsisten;
- Melahirkan karya-karya hebat yang memberikan impak kepada industri seni muzik;
- Membimbing dan membentuk bakat baharu yang berjaya;
- Mempunyai sifat kepimpinan dalam bidang seni muzik di peringkat negeri/ kebangsaan/ antarabangsa;
- Mencapai kecemerlangan serta menunjukkan kewibawaan dalam bidang seni muzik; dan
- Mempunyai lain-lain nilai tambah yang boleh diperakukan oleh jawatankuasa pencarian/pencalonan.

ASAS-ASAS PENCALONAN BIDANG SENI TARI

- Merupakan tokoh, penggiat dan aktivis bidang seni tari warganegara Malaysia.
- Mempunyai kepakaran dalam bidang seni tari sekurang-kurangnya 25 tahun pengalaman dan masih aktif pada tarikh pencalonan.
- Menunjukkan bakat yang tinggi dalam bidang seni tari secara berterusan dan konsisten.
- Melahirkan karya-karya hebat yang memberikan impak kepada industri seni tari.
- Menunjukkan ketokohan dalam membimbing dan membentuk bakat baharu yang berjaya.
- Mempunyai sifat kepimpinan dalam bidang seni tari di peringkat negeri/ kebangsaan dan antarabangsa.
- Mencapai kecemerlangan serta menunjukkan kewibawaan dalam bidang seni tari.

ASAS-ASAS PENCALONAN BIDANG SENI LAKON

- Merupakan tokoh, penggiat dan aktivis bidang seni lakon warganegara Malaysia.
- Mempunyai kepakaran dalam bidang seni lakon sekurang-kurangnya 25 tahun pengalaman dan masih aktif pada tarikh pencalonan.
- Menunjukkan bakat yang tinggi dalam bidang seni lakon secara berterusan dan konsisten.
- Melahirkan karya-karya hebat yang memberikan impak kepada industri seni lakon.
- Menunjukkan ketokohan dalam membimbing dan membentuk bakat baharu yang berjaya.
- Mempunyai sifat kepimpinan dalam bidang seni lakon di peringkat negeri/ kebangsaan/ antarabangsa.
- Mencapai kecemerlangan serta menunjukkan kewibawaan dalam bidang seni lakon.

ASAS-ASAS PENCALONAN BIDANG SENI KRAF

- Merupakan tokoh, penggiat dan aktivis bidang seni kraf warganegara Malaysia.
- Mempunyai kepakaran dalam bidang seni kraf sekurang-kurangnya 25 tahun pengalaman dan masih aktif pada tarikh pencalonan.
- Menunjukkan bakat yang tinggi dalam bidang seni kraf secara berterusan dan konsisten.
- Melahirkan karya-karya hebat yang memberikan impak kepada industri seni kraf.
- Menunjukkan ketokohan dalam membimbing dan membentuk bakat baharu yang berjaya.

- Mempunyai sifat kepimpinan dalam bidang seni kraf di peringkat negeri/ kebangsaan/ antarabangsa.
- Mencapai kecemerlangan serta menunjukkan kewibawaan dalam bidang seni kraf.
- Mempunyai lain-lain nilai tambah yang boleh diperakukan oleh jawatankuasa pencarian/pencalonan.

ASAS-ASAS PENCALONAN BIDANG SENI VISUAL

- Merupakan tokoh, penggiat dan aktivis bidang seni visual warganegara malaysia.
- Mempunyai kepakaran dalam bidang seni visual sekurang-kurangnya 25 tahun pengalaman dan masih aktif pada tarikh pencalonan.
- Menunjukkan bakat yang tinggi dalam bidang seni visual secara berterusan dan konsisten.
- Melahirkan karya-karya hebat yang memberikan impak kepada industri seni visual.
- Menunjukkan ketokohan dalam membimbing dan membentuk bakat baharu yang berjaya.
- Mempunyai sifat kepimpinan dalam bidang seni visual di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa.
- Mencapai kecemerlangan serta menunjukkan kewibawaan dalam bidang seni visual.
- Mempunyai lain-lain nilai tambah yang boleh diperakukan oleh jawatankuasa pencarian/pencalonan.

KAEDAH PENCALONAN

Pencalonan untuk penerima **Anugerah Seniman Negara dan Anugerah Karyawan Seni** dibuka kepada seluruh rakyat Malaysia (individu, NGO, agensi Kerajaan, IPT dan sebagainya). Manakala pencalonan untuk **Anugerah Pendukung Seni** dibuka kepada jabatan dan agensi di bawah MOTAC sahaja. Penganugerahan ASN 2026 adalah seperti berikut:

- (i) Anugerah Seniman Negara (1 penerima)
- (ii) Anugerah Karyawan Seni (5 penerima – masing-masing 1 dari setiap bidang **(Seni Muzik, Seni Tari, Seni Lakon, Seni Kraf dan Seni Visual)**)
- (iii) Anugerah Pendukung Seni (3 penerima – masing-masing satu (1) dari setiap kategori) **(Media, Korporat dan Badan Bukan Kerajaan)**

Insentif ASN 2026 adalah seperti berikut:

(i) ANUGERAH SENIMAN NEGARA

- Wang Tunai RM 60,000.00
- Watikah penganugerahan

- Trofi ASN
- Sepersalinan pakaian kebangsaan
- Seniman Tamu MOTAC
- Insentif penghasilan karya
- Penerbitan berkaitan tokoh Seniman Negara
- Kemudahan rawatan hospital Kerajaan

(ii) ANUGERAH KARYAWAN SENI

- Wang Tunai RM 30,000.00
- Watikah ASN
- Trofi ASN

(iii) ANUGERAH PENDUKUNG SENI

- Wang Tunai RM 10,000.00
- Watikah
- Trofi ASN

MOTAC mengalu-alukan seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang untuk mencalonkan semua penggiat seni dalam bidang yang dinyatakan untuk dipertimbangkan sebagai Seniman Negara dan Karyawan Seni.

Sukacita dinyatakan sekali lagi bahawa pencalonan awam dibuka mulai **12 Mac 2026 dan ditutup pada 11 Mei 2026**. Borang pencalonan dan keterangan lanjut boleh dicapai melalui www.motac.gov.my. Semua borang pencalonan yang lengkap berserta dokumen sokongan boleh dikemukakan melalui e-mel atau serahan tangan kepada:

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA
Bahagian Dasar Kebudayaan
Aras 4, Menara 1, Presint 5
62200
PUTRAJAYA.

Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)
Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-8891 7181
Website: www.motac.gov.my Email: group.ukk@motac.gov.my
Facebook, Instagram, X & TikTok: @mymotac

